

**SALUTASI**  
**MAJLIS MEMPERKENALKAN PASUKAN**  
**LE TOUR DE IPT 2023**

- 1. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ab Rauf Yusoh**  
Ketua Menteri Melaka
- 2. Yang Berbahagia Dato' Dr. Pekan Ramli**  
Timbalan Setiausaha  
Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT  
*Mewakili Ketua Setiausaha KPT*
- 3. YBhg. Dato' Dr. Husaini Omar**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, UTeM
4. Dif-dif Kehormat
5. Rakan - rakan Sukan
6. Rakan - rakan Penaja
7. Rakan - rakan Media
8. Para pelumba dan pegawai pasukan IPT Le Tour de IPT 2023
9. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian



**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS MEMPERKENALKAN PASUKAN DAN PERASMIAN**

**Le Tour de IPT 2023**

اوینیورسیتی تیکنیکل ملیسا ملاک

**16 Jun 2023 / 3.00 petang**

**Dewan Pusat Sukan UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Salam Melaka Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia  
Salam UTeMku Sayang, Menajar Universiti Melonjak ke  
Hadapan

**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)  
Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**  
Yang Dipertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir bersama-sama ke Majlis Memperkenalkan Pasukan dan Perasmian Le Tour de IPT 2023.

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada majlis ini, amat bermakna buat semua warga UTeM. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor terhadap perkembangan Universiti serta menambah meriahkan lagi setiap program yang dianjurkan oleh Universiti tercinta ini, akan dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.
3. Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

4. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini di Majlis Memperkenalkan Pasukan dan Perasmian Le Tour de IPT 2023. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pasti menambahkan lagi kemeriahinan majlis kita pada hari ini.

**Tuan yang Terutama Tun serta Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Tidak seperti negara lain, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bukan sahaja 3 kaum utama Melayu, Cina dan India tetapi juga 32 kumpulan etnik di Sabah dan 27 kumpulan etnik di Sarawak.
6. Bagi memastikan semangat perpaduan yang jitu dan integrasi sebagai warga Malaysia, sukan merupakan salah satu instrumen yang perlu untuk diberi perhatian. Bagi tujuan

tersebut, Dasar Sukan Negara yang merangkumi sukan berprestij tinggi dan sukan untuk semua telah digubal dengan mengambil kira fungsi sukan itu sendiri sebagai satu platform yang mampu untuk menyumbang terhadap sikap tolerasi, semangat muhibah, kesefahaman, dan lain-lain lagi.

7. Selain itu, aktiviti sukan juga dapat membantu mengekalkan kesihatan fizikal dan mental. Dalam kehidupan zaman moden masa kini, kita lebih banyak menggunakan tenaga dalaman dan pemikiran sehingga kadangkala mengabaikan keseimbangan gaya hidup sihat rohani dan jasmani. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2022, kadar obesiti Malaysia adalah tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 15.6%.
8. Melihat kepada statistik ini, kami di UTeM sentiasa menyokong segala aktiviti kesukanan sama ada sukan yang dipertandingkan mahupun sukan riadah bagi memastikan warga yang sihat, cergas dan cerdas dapat dilahirkan.

**Tuan yang Terutama Tun serta Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Untuk makluman semua, Le Tour de IPT atau singkatan nya LTdIPT 2023 telah dilancarkan pada Mac 2022 semasa berlangsungnya Varsity Cycling Challenge 2022 di Parit Sulong, Batu Pahat Johor. Antara tujuannya adalah sebagai landasan penganjuran sukan yang lebih kompetitif dan berprestij kepada pelajar IPT.
10. Le Tour de IPT juga dilihat sebagai platform terbaik dalam mencungkil bakat baharu yang ada dalam kalangan pelajar IPT untuk diketengahkan bagi mewakili pasukan Negara ke kejohanan utama seperti Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) mahupun Sukan Universiti ASEAN (AUG). Yang lebih penting, Le Tour de IPT ini merupakan simbol dalam dunia sukan berbasikal dan UTeMKA - KPT lebih dikenali sebagai pemacu kecemerlangan sukan berbasikal tanah air.

11. Sudah tentu hasil daripada penganjuran Le Tour de IPT ini akan memperkuatkan pembudayaan sukan berbasikal khusus di IPT. Dengan mempamerkan aksi terbaik di sepanjang perlumbaan ini nanti, saya yakin banyak pihak seperti Majlis Sukan Negara (MSN) akan memantau atlet - atlet IPT untuk diserapkan dalam pasukan utama Negara.
12. Untuk makluman semua, Le Tour de IPT pada kali ini disertai oleh 16 pasukan IPT yang terdiri daripada 4 Majlis Sukan IPT iaitu MASUM, MASISWA, MSP dan MASKOM. Diharapkan kesemua pasukan akan dapat menonjolkan prestasi yang baik seterusnya menjulang kemenangan bukan sahaja bagi pihak diri sendiri, bahkan bagi organisasi yang diwakili.

**Tuan yang Terutama Tun serta Hadirin dan Hadirat sekalian,**

13. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) khususnya kepada Seksyen Sukan KPT kerana terus menerus memberi kepercayaan kepada UTeM untuk

menguruskan program berbasikal termasuklah Le Tour de IPT.

14. Saya juga ingin mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan negeri Melaka kerana telah memberikan sokongan dan kerjasama yang amat baik sepanjang persiapan penganjuran ini.
15. Tidak lupa juga kepada Rakan Sukan atau Penaja kita iaitu pihak HELAZ Shop Bike, Pro Apparel Sdn Bhd, Kalbe Malaysia Berhad (Minuman Extra Joss), Lets Play Performance, Nilai Etika Sdn Bhd, Koperasi MAMPRO Berhad dan Pembinaan Pulau Sebang. Suka untuk saya umumkan, nilai terkumpul termasuk tajaan wang tunai dan barang berjumlah RM105,000.
16. Tidak lupa ucapan terima kasih saya kepada pihak teknikal yang terdiri daripada para pegawai daripada pelbagai agensi yang terlibat secara langsung atau tidak

langsung dalam menjayakan Le Tour de IPT 2023 ini. Terima kasih atas kerjasama erat semua.

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya doakan perjalanan perlumbaan ini akan berjalan lancar dan semua pelumba serta petugas selamat tiba digaris penamat. Siapa juga pemenangnya bukan ukuran, tetapi semangat juang yang tinggi dan kayuhan yang tidak mengalah merupakan kemenangan yang sebenar bagi kita semua.
18. Akhir kata, saya bagi pihak pengangur UTeM menyusun sepuluh jari jika terdapat kekurangan daripada pihak kami. Semoga segala yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik.

Burung undan burung tempua,  
Hinggap berehat di pohon kayu;  
Majulah sukan untuk semua,  
Rakyat sihat negara maju.

**Tuan Yang Terutama Tun Canselor,**

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas kesudian hadir ke majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor amatlah kami hargai.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA